

MRS Hulu Selangor Raih Pencapaian Cemerlang Dalam Pengurusan Rekod Tahun 2025

Hulu Selangor, 29 April 2025 – Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Selangor telah berjaya menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pengurusan rekod bagi tahun 2025 menerusi pemantauan yang dijalankan oleh **Seksyen Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)**. Pemantauan ini diketuai oleh **Sofian Bin Ibrahim**, Pegawai Rekod Jabatan, **dibantu oleh Nuraziraakmar Binti Othman**, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan, dan dilaksanakan pada jam 10 pagi.

Pemantauan bertujuan memastikan pengurusan rekod kerajaan dilaksanakan secara sistematik dan teratur, selaras dengan Seksyen 7(a) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Aktiviti pemantauan melibatkan taklimat ringkas, pemeriksaan fail, pengambilan sampel gambar, serta sesi perbincangan dengan kakitangan mahkamah.

Menurut laporan, penggunaan kod klasifikasi fail di MRS Hulu Selangor dipatuhi sepenuhnya. Fail kes yang telah selesai ditutup disimpan di lokasi yang betul, manakala sistem manual klasifikasi fail juga dilaksanakan dengan baik.

Selain itu, sistem **e-Syariah** digunakan sepenuhnya untuk pendaftaran kes fungsian Mal dan Jenayah. Fail aktif disusun dengan teratur, mudah diakses, dan kad pergerakan fail dipatuhi sepenuhnya. Pemantauan juga mendapati bilik fail dilengkapi dengan alat keselamatan seperti pemadam api dan alat pengesan asap. Walau bagaimanapun, alat pendingin hawa di tingkat satu mengalami kerosakan dan dicadangkan penggunaan silica gel sementara menunggu pembaikan.

Data pelupusan rekod bagi tahun 2024 mencatat sejumlah **2,730 rekod** daripada pelbagai kategori, manakala pelupusan bagi Januari hingga April 2025 adalah sebanyak **9 rekod urusan Am**. Sementara itu, penjilidan rekod fungsian tahun 2025 melibatkan **2,073 fail** berjumlah **59 jilid**.

Keberkesanan pengurusan rekod di MRS Hulu Selangor diakui melalui pencapaian **Anugerah Kategori Pengurusan Rekod Terbaik**, serta pengiktirafan **Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Terbaik** dan **Pegawai Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Terbaik** pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), JAKESS, yang berlangsung pada 25 April 2025 di Hotel Concorde, Shah Alam.

Menurut laporan pemantauan, kakitangan mahkamah sentiasa berhubung dengan Seksyen Rekod bagi mendapatkan penjelasan, manakala SOP pengurusan rekod dipamerkan untuk rujukan pegawai dan kakitangan. Pencapaian ini menandakan komitmen MRS Hulu Selangor dalam memastikan pengurusan rekod yang sistematik, teratur, dan efisien.

**KOLEKSI GAMBAR SEPANJANG LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN
REKOD DI MRS HULU SELANGOR**



